

30/11/1999

Mahathir, Hasmah undi di Titi Gajah

ALOR STAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, mengundi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah dekat sini, pagi ini.

Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah yang mengundi bagi kawasan Parlimen Pokok Sena dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Langgar, tiba pada jam 10.30 pagi dan disambut laungan "Hidup Barisan Nasional" dan "Hidup Mahathir" oleh penyokong BN di luar perkarangan sekolah itu.

Calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Parlimen Pokok Sena ialah Datuk Wan Mohamed Hanafiah Wan Mat Saman yang dicabar Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar. Bagi kerusi Langgar, BN mencalonkan Sheikh Nek Ali Nek Ahmad, manakala pencabarnya dari Pas, Mohamad Shauki Ibrahim.

Dr Mahathir mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu pada pilihan raya umum ke-10 ini. Beliau menyandang kerusi itu sejak 1974. Perdana Menteri dicabar bekas Ketua Penerangan Pas yang juga kolumnis Harakah, Subky Latif.

Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin yang mempertahankan kerusi Parlimen Merbok, dan isterinya Toh Puan Mahani Idris mengundi di Sekolah Menengah Shin Min, Sungai Petani, pada jam 9.25 pagi.

Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan isterinya Puan Sri Nila Inangda Manyam Keumala pula mengundi di Sekolah Kebangsaan Langkawi, Langkawi pada jam 9.30 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman mengundi di Sekolah Menengah Agama Batu 8, Sik, pada jam 10.20 pagi.

Sementara itu, Presiden Pas Datuk Fadzil Noor mengundi di Sekolah Menengah Tanah Merah, Pendang, pada jam 8.30 pagi.

Di PULAU PINANG, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengundi di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Kepala Batas.

Timbalan Perdana Menteri tiba pada jam 9.50 pagi diiringi anak lelakinya, Kamaluddin. Sebelum itu, ibu Abdullah, Datin Khailan Hassan, turut mengundi di pusat yang sama.

Abdullah bertanding di kawasan Parlimen Kepala Batas dan menghadapi pencabarnya, Abdul Khalid Rasid, anggota jawatankuasa Pas Bahagian Kepala Batas.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri, Puan Sri Chui Kah Peng mengundi di Sekolah Menengah Tanjung Bunga pada jam 8.40 pagi. Beliau yang bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bunga ditentang oleh calon DAP, Wong Hang Yoke.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, yang bertanding bagi kerusi Parlimen Bukit Bendera mengundi di Sekolah Perempuan Su Yew Seah, Lorong Madras. Lim disertai oleh anaknya Lim Guan Eng.

Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, yang ditemani anaknya, Nurul Izzah, pula tiba di pusat pengundian di Sekolah Kebangsaan Seri Penanti pada jam 9.15 pagi.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ibrahim Saad, yang dicabar Dr Wan Azizah di Parlimen Permatang Pauh, mengundi pada jam 11 pagi di tempat yang sama.

Di PAHANG, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob ialah antara mereka yang awal keluar mengundi. Beliau berbuat demikian di Sekolah Kebangsaan Gambang, Kampung Sri Fajar dekat sini kira-kira jam 8.05 pagi, iaitu pengundi pertama di pusat berkenaan.

Khalil yang juga Menteri Penerangan, bertanding di kerusi Parlimen

Kuantan menghadapi tentangan daripada Pemangku Ketua Wanita Keadilan, Fuziah Salleh.

Naib Presiden Umno dan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang mempertahankan kerusi Parlimen Pekan, pula mengundi di Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah, Pekan pada jam 9.33 pagi.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang dicabar Timbalan Pengerusi Perhubungan Keadilan Wan Jusoh Wan Kolok bagi kerusi Parlimen Paya Besar, menunaikan tanggungjawab beliau sebagai pemilih di Sekolah Kebangsaan Permatang Badak di sini.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, yang mempertahankan kerusi DUN Pelangai, mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Bentong.

Di MELAKA, Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan isteri, Datin Khatijah Mohd Jidi mengundi di Sekolah Kebangsaan Merlimau, Jasin pada jam 8.30 pagi. Abu Zahar bertanding kerusi Parlimen Jasin.

Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Ghafar Baba yang bertanding kerusi Parlimen Batu Berendam pula mengundi di Sekolah Kebangsaan Peringgit pada 10.30 pagi.

Di JOHOR, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman yang mempertahankan kerusi DUN kawasan Serom, mengundi di Sekolah Menengah Tunku Mahmud Iskandar, Sungai Mati, Muar. Beliau dan isteri tiba di pusat pengundian itu pada jam 9.15 pagi.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mengundi di Sekolah Rendah Kebangsaan Laksamana Kota Kechil di Kota Tinggi.

Syed Hamid yang mempertahankan kerusi Parlimen Kota Tinggi tiba di pusat pengundian itu pada jam 9.30 pagi.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin pula mengundi di Sekolah Tinggi Muar. Muhyiddin mempertahankan kerusi Parlimen Pagoh.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng yang bertanding di kerusi Parlimen Bakri, mengundi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa, Muar.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula mengundi pada jam 10.30 pagi di Sekolah Rendah Kebangsaan Bandar Tenggara 1 di Bandar Tenggara.

Hishammuddin, yang mempertahankan kerusi Parlimen Tenggara, tiba di pusat pengundian itu bersama isterinya. Beliau menghadapi tentangan daripada Ketua Pemuda Keadilan Johor, Lokman Noor Adam.

Di SELANGOR, Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar tiba di tempat pengundian di Sekolah Kebangsaan Bukit Belimbing, Kuala Selangor, kira-kira jam 9.25 pagi dengan diiringi isterinya Datin Seri Wan Noor Daud.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, yang bertanding di Parlimen Gombak, mengundi di Sekolah Menengah Gombak Setia pada kira-kira jam 8 pagi, manakala pencabarnya, Dr Mohd Hatta Md Ramli mengundi di Sekolah Agama Kampung Sementah pada 9.15 pagi.

Di PERAK, Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib, mengundi pada jam 8.10 pagi di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Maharajalela, Kampung Gajah bersama isterinya Puan Sri Raja Noora Ashikin Abdullah.

Ini adalah kali pertama beliau bertanding kerusi Parlimen Pasir Salak setelah selama 21 tahun beliau menyandang kerusi DUN Kampung Gajah. Ramli pada pilihan raya kali ini, dicabar oleh Ketua Parti Keadilan bahagian Pasir Salak Osman Abdul Rahman.

Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mengundi di Sekolah Kebangsaan Taman Gopeng, Gopeng.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali mengundi di Sekolah Kebangsaan Gelok, Lenggong, pada jam 9.10 pagi.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu pula mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist Sungai Siput bersama isterinya, Datin Seri Indrani

pada jam 10.26 pagi.

Di NEGERI SEMBILAN, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad bersama isteri Puan Sri Hazizah Tumin mengundi di Sekolah Kebangsaan Linggi, Port Dickson kira-kira jam 11.30 pagi. Mohamed Isa mempertahankan kerusi DUN Linggi yang disandangnya sejak pilihan raya umum 1978.

Bekas Menteri Penerangan Datuk Dr Rais Yatim yang juga calon BN Parlimen Jelevu, dengan disertai isterinya Datin Masnah Mohamed, mengundi kira-kira jam 9 pagi di Balai Raya Kampung Gagu, Kuala Klawang.

Pengerusi DAP kebangsaan Dr Chen Man Hin yang bertanding untuk kerusi Parlimen Rasah dan DUN Temiang, mengundi di Sekolah Kebangsaan Seri Kelana, Jalan Datuk Siamang Gagap. Dr Chen disertai isterinya Khong Swee Bee mengundi kira-kira jam 8.30 pagi.

Di PERLIS, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim mengundi di Sekolah Kebangsaan Tambun Tulang, tempat beliau menerima pendidikan awal, kira-kira 40 tahun lalu.

Shahidan yang mempertahankan kerusi DUN Tambun Tulang, mengundi pada jam 8.20 pagi.

Di KELANTAN, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah mengundi di Sekolah Kebangsaan Kampung Sireh, pada jam 11.45 pagi.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengundi di pusat pembuangan undi di kawasan pilihan rayanya di DUN Chempaka di Sekolah Menengah Raja Sakti, Kedai Lalat kira-kira jam 8.25 jam pagi.

Menteri Pembangunan Usahawan yang juga Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed serta isteri, Datin Khamarzan Ahmed Meah, membuang undi di Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Gajah, Jeli.

Beliau yang mempertahankan kerusi Parlimen Jeli, tiba di pusat pengundian pada jam 7.40 pagi.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa serta isteri, Datin Rosniah Abdul Rahman pula mengundi di Sekolah Kebangsaan Padang Mokam, Peringat, pada jam 9.45 pagi.

Annuar turut diiringi ibunya, Che Bidah Awang Khecik, 85, bersama saudara mara yang menaiki dua bas.

Di TEREANGANU, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad mengundi di Sekolah Menengah Kebangsaan Chukai, Kemaman pada jam 8.55 pagi.

Pesuruhjaya Pas negeri, Abdul Hadi Awang, mengundi di Sekolah Rendah Kebangsaan Rusila, Marang pada jam 8 pagi.

Di SABAH, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai mengundi di Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Semporna manakala Ketua Menteri Datuk Osu Sukam yang mempertahankan kerusi Parlimen Papar, mengundi di Sekolah Kebangsaan (SK) Kawang, Papar.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee yang juga calon BN di Gaya, mengundi di Dewan Masyarakat Gaya.

Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (Upko) Tan Sri Bernard Dompok yang juga calon BN di Kinabalu, mengundi di SK Inobong, Penampang manakala Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup di SK St Francis, Keningau.

Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan pula mengundi di SK Tambunan, Tambunan.

Di SARAWAK, Pemangku Yang Dipertua Negeri Tun Datuk Patinggi Abang Mohamad Salahuddin mengundi di ibu pejabat St John Jalan Ong Tiang Swee pada jam 10 pagi. Isteri beliau, Toh Puan Hajah Norkiah pula mengundi di Sekolah Kebangsaan Encik Buyong pada 10.30 pagi.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Hajah Laila pula mengundi di SRK Merpati Jepang. Abdul Taib, mempertahankan kerusi Parlimen Kota Samarahan.

Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud yang mempertahankan kerusi Petra Jaya keluar mengundi bersama isterinya Datin Amar Naemah Hasbi, juga

di SRK Merpati Jepang kira-kira jam 9 pagi.
(END)